



FACT SHEET

LAWATAN KERJA YB TIMBALAN MENTERI II KE PROJEK KEBUN BANDAR

TARIKH : 9 MAC 2021 (SELASA)
TEMPAT : PEJABAT PERSATUAN PENGGUNA PULAU PINANG (CAP)

1. Pada 5 Jun 2020 di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), kerajaan telah menyediakan pakej bantuan input pertanian seperti benih, baja, dan peralatan kepada individu dengan nilai RM500 (maksimum) bagi setiap penerima dan RM50,000 (maksimum) bagi setiap komuniti. Disamping itu, khidmat nasihat dan latihan juga diberikan oleh Jabatan Pertanian kepada peserta.
2. Permohonan penyertaan bagi Projek Kebuniti di bawah Penjana Pertanian Bandar telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Jumlah permohonan yang diterima adalah sebanyak 42,370 permohonan. Peruntukan PENJANA sebanyak RM7.32 juta yang telah dibelanjakan bagi tahun 2020 telah memberi manfaat kepada 13,524 individu dan 632 komuniti.
3. Bagi fasa kedua tahun 2021, Jabatan Pertanian diperuntukkan sebanyak RM21.18 juta yang akan memberikan manfaat kepada 27,524 individu dan 1,046 komuniti seluruh negara. Berikut adalah pecahan peruntukan projek pertanian bandar Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2020 dan 2021.

BIL	TAHUN	PERUNTUKAN	JUMLAH (RM)	CATATAN
1.	2020	Pembangunan	RM200,000	86 individu 43 komuniti (1180 orang)
		Penjana	RM300,000	543 individu 33 komuniti (368 orang)
2.	2021	Pembangunan	RM270,000	8 individu 38 komuniti (168 orang)
		Penjana	RM1.01 juta	733 individu 46 komuniti (460 orang)

4. Butiran Bantuan Insentif Penerima Kategori Individu dan Komuniti

BIL	PERIHAL BANTUAN	BANTUAN AMALAN TEKNOLOGI YANG DIBERIKAN	CATATAN
1	Individu	Nutripot (5 Pasu)	Salah satu set
		Set NFT (1 unit) (Nutrient Film Technique)	
2	Komuniti	Sistem DFT (Deep Flow Technique)	Salah satu set
		Set Rak Nutripot	
		Konvensional	
		Set NFT NFT Link Tech Tyer R	
		Fertigasi Meja	

5. Harapan pihak Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) supaya semua penerima akan segera menggunakan alatan yang telah diberikan dengan sebaiknya. Melalui penanaman sayur-sayuran ini akan dapat membantu penjimatan sebanyak RM 110 sebulan perbelanjaan dapur. Kesemua penerima yang telah mendapat pakej bantuan input pertanian ini boleh merujuk youtube Jabatan Pertanian <https://www.youtube.com/user/tvpertanian> bagi mendapatkan maklumat lengkap kaedah pemasangan peralatan input dan teknik penanaman sayur melalui video yang telah disediakan oleh pihak Jabatan.

Dikeluarkan oleh:
Jabatan Pertanian Malaysia
Tel : 019-472 0075 (Ferdous)/ 012-369 0359 (Amri)
E-mel : pro@doa.gov.my